



NUSANTARA ACADEMY FOR STRATEGIC RESEARCH

**GARIS PANDUAN
GERAN KAJIAN KERTAS POLISI (GKKP) KLUSTER KEPIMPINAN TAHUN 2026
REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)**

1. LATAR BELAKANG

1.1 Tujuan

Garis panduan ini bertujuan membantu pemohon mengemukakan Pelawaan Untuk Cadangan (*Request for Proposal-RFP*) bagi Geran Kajian Kertas Polisi (GKKP) Kluster Kepimpinan Tahun 2026. Panduan ini merangkumi perkara berikut:

1. Latar Belakang
2. Tema dan Topik Berkaitan
3. Syarat-Syarat Permohonan
4. Tatacara Permohonan
5. Tatacara Kewangan
6. Pemantauan Projek
7. Hasil Kajian
8. Hak Milik Hasil Kajian

1.2 Pengenalan Geran

Geran Kajian Kertas Polisi (GKKP) Kluster Kepimpinan Tahun 2026 merupakan dana penyelidikan yang dibiayai oleh Pusat Agenda Nasional, Pertubuhan IKRAM Malaysia (IKRAM). Nusantara Academy for Strategic Research (NASR) sebagai peneraju dalam bidang kajian dasar dan polisi, serta kepakaran dalam kajian geopolitik dan sosiopolitik telah diamanahkan sebagai badan pelaksana bagi menguruskan pelaksanaan empat (4) projek kajian polisi. NASR bertanggungjawab dalam skop pengurusan permohonan dan pemilihan penyelidik, pemantauan projek penyelidikan dan semakan serta penyuntingan laporan akhir. Peruntukan keseluruhan berjumlah RM32,000 telah disediakan bagi membiayai empat (4) projek kajian polisi. Sehubungan itu, NASR dengan ini membuka RFP kepada para akademik, penyelidik, badan bukan kerajaan (NGO), serta agensi atau institusi yang berkelayakan untuk mengemukakan kertas cadangan mengikut tema dan topik yang dinyatakan. Pemohon boleh mengemukakan cadangan bermula 4 hingga 24 Jun 2026.

1.3 Objektif Kajian

Objektif Umum

Menghasilkan penyelidikan berteraskan solusi dalam domain kepimpinan berwibawa dan reformasi institusi, yang digubal secara strategik bagi mendokong serta memacu Agenda Nasional Pertubuhan IKRAM Malaysia.

Objektif Khusus

- i. Memperolehi data empirikal, dapatan kajian yang komprehensif serta analisis polisi yang mendalam berkaitan dengan isu-isu kritikal dalam aspek kepimpinan berwibawa atau reformasi institusi.
- ii. Mengenal pasti jurang pelaksanaan, cabaran semasa dan keperluan intervensi bagi penambahbaikan dasar sedia ada dalam sektor berkaitan.
- iii. Menghasilkan Ringkasan Polisi (*Policy Brief*) yang mengandungi cadangan polisi untuk dimanfaatkan dan dikemukakan kepada pihak berkepentingan.

2. TEMA DAN TOPIK BERKAITAN

Projek dan bidang berkaitan tema berikut layak memohon geran. Terdapat empat topik di bawah dua tema yang ditetapkan iaitu:

Tema	Topik
i) Kepimpinan Berwibawa	i) Pendanaan Parti Politik. ii) Kredibiliti dan Integriti Kepimpinan Negara.
ii) Reformasi Institusi	i) Keselarasan dan Ketelusan Urus Tadbir Negara. ii) Keberkesanan Komunikasi Maklumat Kementerian-Kementerian.

Penerangan mengikut bidang adalah seperti berikut:

Tema Kepimpinan Berwibawa

i) Pendanaan parti politik merujuk kepada kawal selia semua sumber dan penggunaan dana setiap parti politik bagi memastikan dana parti digunakan secara telus dan bersih, tanpa penyelewengan atau amalan rasuah. Ini termasuk kesediaan pemimpin untuk mengisytiharkan aset dan sumbangan dana, had perbelanjaan pilihan raya serta audit kewangan parti politik secara berkala.

ii) Kredibiliti dan integriti kepimpinan negara menentukan kestabilan politik dan kepercayaan rakyat terhadap kepimpinan. Kredibiliti merujuk kepada keupayaan pemimpin untuk menampilkan kecekapan, menunaikan janji dan melaksanakan tanggungjawab dengan berkesan. Integriti merujuk kepada kualiti diri pemimpin yang berpegang teguh kepada prinsip moral dan etika, walaupun tanpa pengawasan.

Tema Reformasi Institusi

i) Keselarasan dan ketelusan urus tadbir negara merupakan komponen penting dalam kerangka urus tadbir negara. Penyelarasan merujuk kepada usaha memastikan kementerian, jabatan dan agensi kerajaan bekerja ke arah matlamat yang sama tanpa pertindihan atau konflik. Ketelusan merujuk kepada keterbukaan kerajaan dalam proses membuat keputusan, pengurusan kewangan awam serta penyampaian maklumat kepada rakyat.

ii) Keberkesanan komunikasi maklumat kementerian-kementerian merujuk kepada keberkesanan penyampaian dasar kerajaan secara konsisten, tepat dan efisien. Keberkesanan komunikasi penting bagi mengelakkan percanggahan maklumat, kekeliruan rakyat serta menjejaskan keyakinan terhadap pentadbiran negara.

3. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

3.1 Kriteria Pemohon

- 1) Permohonan terbuka kepada semua Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), agensi, institut atau individu.
- 2) Ketua penyelidik dan ahli penyelidik mestilah warganegara Malaysia yang mempunyai kelayakan sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana.
- 3) Ketua penyelidik bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pemilihan ahli penyelidik, komitmen terhadap penyelidikan serta memantau pelaksanaan kajian bagi memenuhi objektif yang ditetapkan.
- 4) Ahli penyelidik perlu bertanggungjawab dan memberikan komitmen terhadap perancangan dan pelaksanaan kajian secara keseluruhan termasuk memberi kerjasama penuh kepada ketua penyelidik dan urus setia.

3.2 Tempoh Kajian

- 1) Tempoh maksima kajian ialah 12 minggu sahaja. Tarikh mula dan tamat akan dinyatakan dalam surat setuju terima.
- 2) Permohonan lanjutan tempoh projek adalah berdasarkan kepada cadangan dan keputusan IKRAM dan NASR.
- 3) Pemantauan dan pembentangan kemajuan dilakukan pada pertengahan dan akhir projek.
- 4) Ketua Penyelidik perlu memastikan projek penyelidikan dilaksanakan mengikut perancangan dan mencapai sasaran output yang diluluskan berdasarkan kertas cadangan.
- 5) IKRAM atau NASR berhak menghentikan projek jika perancangan dan sasaran output tidak dicapai pada masa yang ditetapkan.

3.3 Siling Geran

- 1) Peruntukan geran yang boleh diberikan adalah maksima sebanyak RM8,000 bagi satu-satu projek.
- 2) Keputusan kelulusan projek dan amaun yang diberikan adalah muktamad.
- 3) Pemohon bertanggungjawab menyemak perincian kos yang dikemukakan dan memastikan permohonan tersebut adalah munasabah mengikut keperluan kajian sebelum memulakan permohonan.

4. TATACARA PERMOHONAN

4.1 Proses Permohonan

- 1) Pemohon perlu mengemukakan permohonan lengkap dengan mengisi **Borang Permohonan Geran Kajian Kertas Polisi (GKKP)** yang disediakan oleh NASR.
- 2) Pemohon perlu melampirkan curriculum vitae ketua dan ahli projek.
- 3) Pemohon yang berjaya dikehendaki menandatangani surat setuju terima.
- 4) Dokumen perjanjian adalah perjanjian antara NASR dengan penerima geran yang perlu ditandatangani bagi memastikan projek penyelidikan yang dilaksanakan mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan dan seterusnya dapat menjaga kepentingan kedua-dua pihak.
- 5) NASR berhak meminda syarat, peraturan, panduan dan borang pada bila-bila masa serta meminta maklumat tambahan.
- 6) Permohonan dan kajian perlu ditulis dalam Bahasa Melayu sahaja.

4.2 Kriteria Penilaian

- 1) Permohonan GKKP akan dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian mengikut bidang-bidang yang telah ditetapkan.
- 2) Penyelidikan yang dipohon mestilah menghasilkan idea baru untuk ringkasan polisi.
- 3) Projek yang menunjukkan cadangan solusi akan diberikan keutamaan.

5. TATACARA KEWANGAN

- 1) Semua perbelanjaan dan penerimaan akan dimasukkan ke dalam akaun penyelidikan projek masing-masing.
- 2) Semua perbelanjaan dana hendaklah mengikut bajet yang telah ditetapkan, disimpan dengan teratur, direkodkan bersama resit, serta boleh dikemukakan kepada pihak IKRAM dan NASR apabila diminta.
- 3) Ketua penyelidik dinasihati untuk menyemak baki dan syarat kewangan geran kajian sebelum membuat sebarang perbelanjaan.
- 4) Penyelidik tidak dibenarkan untuk membuat sebarang perbelanjaan selepas tarikh tamat projek penyelidikan. Segala perbelanjaan yang tidak dituntut selepas tarikh tamat projek akan luput dan tidak boleh dibayar selepas akaun projek tutup.
- 5) Projek penyelidikan yang telah tamat hendaklah memulangkan baki penyelidikan kepada NASR dalam tempoh yang ditetapkan.

6. PEMANTAUAN PROJEK

- 1) Pasukan penyelidik perlu melengkapkan borang kemajuan prestasi sebelum sesi pembentangan laporan. Borang kemajuan prestasi diberikan bersama surat pemakluman pembentangan laporan kemajuan.
- 2) Semua projek yang diluluskan akan dipantau dari aspek:
 - i. Kemajuan prestasi semasa projek.
 - ii. Prestasi kewangan.
 - iii. Penghasilan output yang telah dinyatakan.
- 3) Pelaksanaan projek mesti dilakukan dengan etika dan integriti yang tinggi. Sebarang bentuk plagiarisme tidak dibenarkan.
- 4) Prestasi projek perlu mencapai hasil penyelidikan seperti dalam cadangan yang diluluskan.

7. HASIL KAJIAN

- 1) Hasil kajian hendaklah mempunyai kebolegunaan yang jelas dan boleh diterjemahkan dalam bentuk tindakan, strategi, inisiatif atau advokasi yang penyumbang kepada ringkasan polisi.
- 2) Penyelidik perlu menghasilkan dokumen berikut:
 - i. Laporan interim / laporan kemajuan.
 - ii. Laporan akhir kajian dalam versi Microsoft Word.
 - iii. Slaid pembentangan akhir dalam versi Microsoft PowerPoint.
 - iv. Ringkasan Polisi / *polisi brief*.
 - v. Data kajian yang berkaitan.
 - vi. Dokumen sokongan lain.

8. HAK MILIK HASIL KAJIAN

- 1) Semua hasil kajian yang dibangunkan di bawah GKPP adalah hak milik IKRAM dan NASR.
- 2) IKRAM dan NASR berhak menggunakan, menerbitkan, membentangkan dan menyesuaikan hasil kajian bagi pelbagai tujuan di mana-mana platform.
- 3) Sebarang penerbitan, pembentangan atau penggunaan semula hasil kajian oleh penyelidik kepada pihak luar hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada IKRAM dan NASR terlebih dahulu.

**Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, sila hubungi:
NUSANTARA ACADEMY FOR STRATEGIC RESEARCH
03-86903782 / info.mynasr@gmail.com (Dr. Aainaa Amirah Haron)**